

CUEPACS mahu bonus tetap minimum satu bulan gaji

Oleh YULPISMAN ASLI

UM 20 JUN 2001

KOTA BHARU 19 Jun — Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mencadangkan kepada kerajaan supaya kakitangan awam dibayar bonus tetap tahunan dengan kadar minimum sebulan gaji.

Setiausaha Agungnya, Abdul Rahman Manan berkata, keputusan mengenai cadangan itu dicapai dalam mesyuarat kongres 25 Mac lalu.

Memorandum mengenainya akan diserahkan kepada kerajaan dalam tempoh sebulan lagi, katanya sambil menambah ia mungkin diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang kini memangku Menteri Kewangan.

Kontraktual

“Kita meminta supaya kerajaan membayar (bonus) setiap tahun secara kontraktual, tidak lagi bila hujung tahun kita (CUEPACS) memohon dan sebagainya.

“Kita menganggap perkara ini (proses permohonan mendapatkan bonus) mungkin melengahkan sehingga menimbulkan kegelisahan kepada kakitangan awam setiap hujung tahun,” katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Skim Simpanan dan Kesihatan Berkelompok CUEPACS Living-Care peringkat negeri Kelantan, di sini, hari ini.

Majlis itu disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan, Ramli Abdul Rahman.

■ Lihat muka 4

CUEPACS mahu bonus tetap minimum satu bulan gaji

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata, pihaknya menyedari bahawa bonus adalah satu pemberian oleh kerajaan kepada kakitangan awam berdasarkan prestasi ekonomi semasa termasuk dari segi pendapatan keuntungan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan harus menimbangkan bahawa perkhidmatan awam yang melibatkan lebih 800,000 kakitangan, tidak semuanya mendatangkan keuntungan di segi kewangan sebaliknya ia lebih kepada bentuk perkhidmatan terbaik.

Beliau berkata, laporan prestasi dalam Skim Saran Baru (SSB) mendapati majoriti lebih 95 peratus kakitangan awam menunjukkan prestasi baik.

“Ini seharusnya diper-

timbangkan oleh kerajaan untuk mendapatkan bonus. Justeru bagi CUEPACS, kita merasakan ada baiknya kerajaan melaksanakan pembayaran bonus ini secara kontraktual dan tidak perlulah CUEPACS berjumpa Perdana Menteri setiap kali ingin mendapatkan bonus.

“Kalau kerajaan, dari segi prestasi penilaian itu mendapati kakitangan awam meningkatkan perkhidmatan mereka, bolehlah dibayar sejumlah bonus misalnya sebulan atau dua bulan atau sebagainya. Bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan dengan kadar minimum sebulan gaji,” katanya.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, CUE-

PACS telah mencadangkan kepada kerajaan supaya pemberian elaun dan kemudahan kepada kakitangan awam terutamanya kumpulan sokongan dibuat berdasarkan kos sara hidup semasa.

Katanya, CUEPACS telah mengemukakan cadangan itu kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan jabatan itu difahamkan sedang membuat kajian mengenainya sebelum dikemukakan kepada Perbendaharaan untuk pertimbangan.

“Pertumbuhan ekonomi sudah beransur pulih... dan kita berharap perkara ini dapat dikaji kerana ia untuk kepentingan kakitangan awam sokongan yang berjumlah kira-kira 600,000 orang,” katanya.